Amaran Musa pada parti politik

Dadah: Usah jadikan isu politik

● DATUK MUSA

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Musa Hitam memberi amaran keras kepada parti-parti politik supaya jangan menjadikan usaha kerajaan dalam memerangi wabak dadah sebagai satu isu politik.

Sebaliknya, Pemangku Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri menggesa semua parti politik menggerakkan rakyat jelata menyokong setiap langkah kerajaan dalam membanteras masalah dadah.

Ini adalah di antara beberapa garis panduan diumumkan oleh Datuk Musa selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Dadah sewaktu mempengerusikan mesyuarat dengan

Oleh BUSTAMAM AHMAD

wakil-wakil dari pelbagai persatuan dan pertubuhan sukarela yang terlibat dengan kempen antidadah di Bilik Gerakan Negara, di sini hari ini.

Hadir sama ialah wakil-wakil dari pertubuhan politik termasuk Umno, MCA, MIC, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) dan DAP.

"Parti-parti politik hendaklah mengelak dari membangkitkan isu-isu politik mengenai langkah-langkah kerajaan yang mungkin dianggap keras atau bukan bercorak kebajikan dalam memerangi wabak dadah.

"Mereka hendaklah menggerakkan rakyat jelata menyokong langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi masalah ini. Program-program penerangan dengan menggunakan ahli-ahli parti menyebarkan maklumat tentang bahaya dadah kepada masyarakat hendaklah juga diadakan," tegasnya.

Pemangku Perdana Menteri mengulangi strategi utama kerajaan dalam memerangi wabak dadah ialah 'menyerang' aspek pengedaran dadah.

Asas strategi ini, tambahnya ialah dengan lulusnya baru-baru ini undang-undang mewajibkan hukuman mati dijatuhkan ke atas pengedar dadah didapati bersalah atas tuduhan mengedar dadah.

Datuk Musa selanjutnya mengumumkan garis panduan mengenai usaha memerangi dadah bagi persatuan dan pertubuhan lain.

Pertubuhan-pertubuhan belia hendaklah:

● Menggalakkan lebih ramai lagi belia menjadi ahli pertubuhan belia sambil meningkatkan lagi kegiatan belia ke arah mewujudkan satu 'persekitaran yang bebas dari dadah' dalam pertubuhan itu,

● Mengadakan program-program anti-dadah di dalam pertubuhan masing-masing (in-house programme),

● Mengadakan biro antidadah dalam pertubuhan masing-masing dan mengadakan program penerangan kepada masyarakat bagi mencegah wabak dadah, dan

● Membantu proses mengembalikan semula ke pangkuan masyarakat bekas-bekas penagih dadah dengan melibatkan mereka di dalam pelbagai projek anjuran pertubuhan itu.

Pertubuhan-pertubuhan agama pula digesa:

● Membantu perkhidmatan runding cara agama di pusat-pusat pemulihan, harian dan jagaan lanjutan di samping menganjurkan program tertentu semasa perayaan agama seperti Maulud Nabi dan Good Friday,

● Sukarelawan dari golongan ahli agama boleh mengadakan ceramah dan bimbingan mengenai bahaya penagihan dadah.

Pertubuhan-pertubuhan kebajikan hendaklah:

● Menggalakkan ahli-ahli mereka menjadi sukarelawan dalam membantu perkhidmatan runding cara di pusat-pusat pemulihan, harian dan jagaan lanjutan. Mereka haruslah juga membiayai latihan run-

Pertubuhan-pertubuhan beruniform di sekolah pula hendaklah:

● Menggalakkan murid-murid sekolah menyertai pasukan seperti pengakap, pandu puteri, St. John Ambulance dan kadet sekolah sambil mewujudkan 'persekitaran bebas dari dadah', dan

Pertubuhan-pertubuhan lain, menurut Datuk Musa hendaklah juga memberi surat penghargaan kepada ahli-ahli mereka yang telah menyumbang terhadap usaha memerangi wabak dadah.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia